

Headline	RM349j naik taraf elektrik di JB		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	31 Oct 2018	Language	Malay
Circulation	22,187	Readership	66,561
Section	News	Page No	29
ArticleSize	121 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,656		



RM349j naik taraf elektrik di JB

Kulai: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyediakan peruntukan RM349 juta bagi melaksanakan 142 projek penambahbaikan sistem bekalan elektrik di bandar raya Johor Bahru bagi tempoh sehingga 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Antarabangsa, dan Utiliti negeri Jimmy Puah Wee Tse berkata, usaha itu dilakukan sebagai persediaan kepada permintaan bekalan yang bertambah selain mengelak berlaku kekerapan insiden gangguan bekalan elektrik.

Katanya, daripada jumlah itu sebanyak 17 projek disasarkan untuk menambah baik sistem 33 kilovolt (kV) membabitkan peruntukan

berjumlah RM229 juta dan dijangka siap sepenuhnya Disember tahun depan.

“Baki 125 projek lagi adalah menambah baik sistem 11kV di seluruh bandar raya Johor Bahru dengan jumlah kos RM120 juta dan semua kerja penambahbaikan ini dijangka dapat disiapkan juga pada Disember tahun depan.

“Apabila siap semua kerja penambahbaikan ini, menjelang 2020 isu gangguan bekalan tenaga yang sebelum ini pernah berlaku dua insiden iaitu pada tahun lalu dan September lalu dapat diatasi,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Forum Senai Airport City 2018 di Terminal Penerba-

ngan Bisnes Lapangan Terbang Antarabangsa Senai di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Berhad (MMC) Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh.

Wee Tse berkata, TNB juga akan sentiasa melaksanakan proses penyelenggaraan semua sistem yang mereka miliki mengikut piawaian bagi mengelak kejadian yang boleh mengakibatkan gangguan bekalan elektrik.

Pada tahun lalu, gangguan bekalan elektrik berlaku di sebahagian kawasan Skudai dan Johor Bahru mengakibatkan dua pasar raya besar ‘lumpuh’ operasi perniagaan mereka.